

17 OCT 2003

OIC-Yahudi (Abdullah) (Bergamabr)/I
PM BUKAN ANTI-YAHUDI: ABDULLAH

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 semalam lebih berupa kritikan konstruktif dengan umat Islam sebagai fokus utama.

"Beliau bukan anti-Yahudi. Beliau mengatakan apa yang berlaku kerana kita (umat Islam) telah ditindas. Nasihat yang diberikan adalah untuk umat Islam," kata Timbalan Perdana Menteri.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dua hala dengan sembilan pemimpin negara OIC yang menghadiri persidangan di Pusat Konvensyen Putarajaya (PCC) di sini hari ini.

"Dan apa yang penting ialah beliau memberikan banyak idea dan kita tidak seharusnya terpesong," katanya.

Abdullah berkata Dr Mahathir telah berulang kali mengatakan beliau bukan anti-semitic atau anti-Yahudi.

Beliau berkata umat Islam tidak boleh mengharapkan pihak lain membantu mereka tetapi perlu mencari jalan memajukan ekonomi sendiri.

Menyentuh tentang perbincangannya, Abdullah berkata kebanyakan negara kini memberi penekanan terhadap kemajuan ekonomi.

"Berbeza dengan perbincangan pada masa lalu apabila tumpuan lebih diberikan kepada politik, kini perbincangan lebih tertumpu kepada perundangan dan pelaburan di kalangan anggota OIC," katanya.

Menurut beliau, perubahan itu petanda bahawa negara-negara Islam kini lebih berminat membangunkan ekonomi, pendidikan dan sektor pelancongan.

Abdullah juga berkata para pemimpin itu juga menyatakan mereka akan memberikan kerjasama kepada beliau untuk memimpin OIC selepas persaraan Dr Mahathir.

-- BERNAMA
VP AZZ MOZ